

SIRI PENDIDIKAN PROFESIONAL

# *Pendidikan Tingkatan Enam*

# **Warisan & Wawasan**

30281  
RS

**AB. RAHIM SELAMAT**  
BA. (Hons), MLS, Ed.D  
Sijil Perguruan

**MOHD. SAA'RI BIN MOHD. SANUSI**



# PENDIDIKAN TINGKATAN ENAM: WARISAN DAN WAWASAN



Oleh

© 2010 AB. RAHIM SELAMAT Ed.D.  
MOHD. SAA'RI BIN MOHD. SANUSI

PUSTAKA PERDANA



1012896



**Cetakan Pertama** / First Printing 2003

**Cetakan Kedua** / Second Printing 2005

**Cetakan Ketiga** / Third Printing 2007

**Hak cipta** / Copyright AB. RAHIM SELAMAT 2003

© **Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Publisher.

Pengarang

Ab. Rahim Selamat

ISBN: 983-2366-15-1

**Diterbitkan oleh** / Published by

**Dicetak oleh** / Printed by

KENTALMAS JATI SDN BHD

1-4-26, Diamond Square Commercial Centre,

Jalan 1/50, Off Jalan Gombak,

53000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-4024 6131 Fax: 03-4024 8131



# KANDUNGAN

PROLOG	<b>6</b>
BAB 1 : SEJARAH	<b>10</b>
BAB 2 : FALSAFAH, VISI, MISI, MODEL, MATLAMAT STRATEGIK DAN PIAGAM PELANGGAN	<b>18</b>
BAB 3 : DASAR DAN PEKELILING	<b>25</b>
BAB 4 : HASIL PENYELIDIKAN	<b>69</b>
BAB 5 : PENGURUSAN INSTITUSI	<b>78</b>
BAB 6 : PENGURUSAN PENGAJARAN	<b>93</b>
BAB 7 : PENGURUSAN PEMBELAJARAN	<b>120</b>
BAB 8 : PENGURUSAN PENILAIAN	<b>145</b>
BAB 9 : PENGURUSAN HAL EHWAL PELAJAR	<b>170</b>
BAB 10 : PENGURUSAN KOKURIKULUM	<b>180</b>
BAB 11 : PENGURUSAN KAUNSELING	<b>190</b>
BAB 12 : PENGURUSAN PUSAT SUMBER	<b>209</b>
BAB 13 : PEMBESTARIAN SEKOLAH TINGKATAN ENAM	<b>210</b>
BAB 14 : GURU SEBAGAI PENYELIDIK, PENULIS DAN KONSULTAN	<b>225</b>
BAB 15 : PENGURUSAN KUALITI	<b>230</b>
BAB 16 : KAJIAN KES	<b>239</b>
BAB 17 : CABARAN DAN PROSPEK	<b>250</b>
BIBLIOGRAFI	<b>252</b>
INDEKS PERKARA	<b>258</b>

## PENGHARGAAN

**B**UKU ini tidak mungkin terhasil dengan sempurna mungkin tanpa kerjasama oleh pelbagai pihak. Kumpulan teras dan kritikal ialah Pn. Zuariah bt. Yussoff, Pengetua Sekolah Menengah Seksyen 17 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan, semua guru tingkatan enam dan pelajar-pelajar tingkatan enam dari sekolah yang sama.

Kepada mereka ini adalah sumbangan mereka untuk mem-bangunkan pendidikan tingkatan enam di Malaysia agar bertaraf dunia. Harapan unggulan semua pihak yang pengusahakan buku ini ialah sekolah berkenaan akan menjadi penandaaras tentang pendidikan tingkatan enam sebagaimana yang kita idamkan selama ini. Kepada Muhammad Haziq Hj. Abdul Jamil pelajar tingkatan enam yang kerana perpindahan beliau ke sekolah ini, telah mencetuskan penglibatan saya dengan sekolah ini hingga akhirnya penulisan buku ini. Saya juga tidak lupa kepada bekas pelajar tingkatan enam saya dan guru tingkatan enam saya yang telah memberikan saya pengalaman mengajar dan belajar di tingkatan enam di Sekolah Tunku Ampuan Durah Seremban dalam tahun 1971 dan 1973 serta Sekolah Tinggi Melaka dalam tahun 1964.

Kepada Jabatan Pelajaran Johor (1982-1985) dan lain-lain pihak yang telah memberikan saya peluang terlibat dalam perancangan, pengelolaan, kepimpinan dan pengawalan pendidikan tingkatan enam, saya ucapkan jutaan terima kasih.

## **KATA ALUAN PENERBIT**

**P**ENULISAN buku ini merupakan satu usaha sulung yang seharusnya diberikan penghargaan tinggi. Dalam tempoh masa yang lebih daripada satu dekad, kita belum dapat peluang membaca secara mendalam dan menyeluruh sebuku ten-tang pendidikan tingkatan enam. Walaupun in terlambat tetapi masih ada untuk kita bersama-sama menilai dan membuat pembaikan.

Sebagai penerbit, usaha sidang pengarang buku ini dapat kami lanjutkan dan selanjutnya diharapkan pembaca yang terdiri daripada pengetua, penolong kanan tingkatan enam, guru mata pelajaran tingkatan enam dan pelajar tingkatan enam dapat faedah setelah membacanya. Dengan sedikit teori, konsep, model dan strategi pelaksanaan yang ditulis di dalam buku ini, diharapkan melaluinya kualiti pendidikan tingkatan enam dapat dipertingkatkan.

Semoga usaha pembukan jalan ini akan berkembang dari setiap bab buku ini akan menjadi beberapa judul buku lain berkaitan dengan pendidikan tingkatan enam supaya khazanah ilmu tentang tingkatan enam di Malaysia begitu besar sekali.

**Penerbit**

## PROLOG

**P**ENDIDIKAN tingkatan enam bukan setakat guru mengajar dan pelajar belajar. Ia lebih daripada itu iaitu ia adalah pendidikan tingkatan enam. Istilah pendidikan membawa maksud yang lebih mendalam daripada pelajaran tingkatan enam yang hanya menekankan ilmu kognitif dan kemahiran atau psiko-motor. Ia perlu lengkap dengan elemen nilai, sahsiah dan kerohaniah supaya semakin tua pelajar semakin lengkap dan mantap mereka menghadapi kehidupan yang lebih mencabar dan sebenarnya.

Untuk itu mata pelajaran seperti Pendidikan Islam bagi pelajar Islam dan Pendidikan Moral bagi bukan Islam tidak boleh tidak diwajibkan seperti yang diwajibkan di institut pendidikan tinggi. Ia selaras dengan tujuan pendidikan mereka untuk melanjutkan pendidikan di institut pendidikan tinggi.

Pendidikan tingkatan enam asalnya merupakan satu sub sistem pendidikan Malaya, Sabah, Sarawak dan akhirnya Malaysia. Ia telah diwarisi dari zaman penjajahan Inggeris tidak kurang daripada enam puluh tahun yang lalu. Sub sistem ini memang istimewa kerana ia khas atau elit untuk pelajar yang direncanakan untuk memasuki universiti sahaja selepas mereka lulus Senior Cambridge pada peringkat awalnya.

Walaupun ia sudah lebih daripada enam puluh tahun, lebih lama atau tua daripada sistem pendidikan menengah kebangsaan (aliran Melayu), tetapi kemudian daripada sistem pendidikan rendah Melayu dan Inggeris serta menengah Inggeris, namun begitu keadaan statusnya masih belum mantap. Tidak mantap bermaksud dari awal lagi sub sistem ini tidak termasuk dalam Penyata Razak 1956, masih berada di bawah bumbung dan pentadbiran sama dengan sekolah menengah biasa walaupun tidak semua sekolah menengah biasa mempunyai tingkatan enam. Ia juga sedang terus berubah dan mencari identitinya yang lebih jelas.

Walaupun dari segi dasar dan arahan sub sistem ini masih belum mantap dan sudah ada sub-sub sistem yang membolehkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia masuk Institut Pendidikan Tinggi seperti Kolej Matrikulasi, Program Asasi dan sebagainya yang lebih ramai disertai oleh pelajar Bumiputera lulusan SPM, kelonggaran keadaan ini merupakan satu peluang. Peluang yang dimaksudkan ialah sekolah yang mempunyai tingkatan enam boleh mengusahakan ciri-ciri satu sistem pendidikan yang



pentafsiran dan penyebaran maklumat arahan-arahan daripada Pejabat Pendidikan Daerah dan juga dari Jabatan Pelajaran Negeri. Untuk melicinkan lagi perjalanan sekolah beliau perlu mempengerusikan pelbagai mesyuarat, upa-cara dan aktiviti pembangunan organisasi. Beliau akan dibantu oleh Penolong Kanan Tingkatan Enam dan semua guru mata pelajaran tingkatan enam.

Penolong Kanan Tingkatan secara terus akan merancang, mengelola, memimpin dan pengawal semua hal berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Skop tugas termasuk memastikan alat, proses dan teknik pengajaran dan pembelajaran berlangsung mengikut dasar, konsep, ciri dan pendekatan pendidikan tingkatan enam.

Penolong Kanan Tingkatan Enam bersama-sama dengan semua guru mata pelajaran tingkatan enam dan juga semua pelajar tingkatan enam dan pihak-pihak yang lain akan menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran yang sewajarnya berlangsung di tingkatan enam. Beliau juga akan bekerjasama dengan semua guru mata pelajaran untuk menguruskan hal ehwal pelajar, termasuk kaunseling dan juga kegiatan kokurikulum pelajar tingkatan enam. Akhirnya pendidikan tingkatan enam diharap akan menjadi bestari.

Pengarang telah mendapat peluang belajar walaupun tidak habis hingga menduduki Higher School Certificate (HSC) di Sekolah Tinggi Melaka dalam tahun 1964 dalam aliran sastera. Pengalaman menjadi pelajar tingkatan enam, menjadi guru geografi selepas mendapat ijazah bachelour dalam bidang geografi (tanpa belajar di tingkatan enam secara penuh masa), menjadi penolong kanan dan pemangku pengetua di sekolah tingkatan enam di Sekolah Tunku Ampuan Durah Seremban antara tahun 1971 hingga 1973, telah menjadi asas kepada usaha menulis buku ini.

Selain daripada pendedahan di atas, beliau juga mendapat peluang menjadi pemeriksa kertas geografi diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Semasa menjadi Ketua Penolong Pengarah Kurikulum di Jabatan Pelajaran Johor 1982 hingga 1985, sekali lagi beliau dapat menyelia pengajaran dan pembelajaran tingkatan enam. Ditahun yang sama beliau dapat peluang menolong Sekolah Tun Mamat Tangkak Johor untuk memulakan tingkatan enam aliran sastera. Dengan pengalaman di atas dan dengan pengalaman menulis beberapa buah buku dan artikel tentang pengajaran dan pembelajaran tingkatan enam, penulisan buku menjadi lebih baik.

Pengarang mendapat peluang belajar di tingkatan enam disebuah sekolah yang kedua tertua di Malaysia dalam tahun 1964. Sebahagian daripada pengalaman beliau adalah dari sekolah tersebut dan juga belajar

dikelas lanjutan tingkatan enam atau Further Education Class (FEC) di sebelah petang dan malam di sekolah yang sama dan diajar oleh guru tingkatan enam dari sekolah yang sama (yang mengajar di sebelah pagi

Penulisan buku ini perlu disertai oleh semua orang guru tingkatan enam Sekolah Menengah Seksyen 17, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan untuk menambah kesahihannya. Bersama dengan pengarang ada dikalangan guru tingkatan enam yang telah melalui pendidikan tingkatan enam. Sekarang mereka sebagai pengamal utama untuk tempoh masa yang lama dalam pendidikan tingkatan enam telah membuat penelitian yang rapi tentang semua aktiviti dan gelagat berkaitan dengan pendidikan tingkatan enam. Pengetua, penolong kanan tingkatan enam, guru tingkatan enam dan pelajar tingkatan enam disekolah berkenaan juga tidak ketinggalan untuk menambah kualiti penulisan buku ini untuk menjadikan buku ini satu-satunya diterbitkan di Malaysia.

Kami menyedari bahawa penulisan buku ini tidak selengkapnya kerana pendidikan tingkatan enam terus berubah. Namun begitu penerbitan buku ini diharapkan dapat membantu semua pihak disekolah tingkatan enam untuk menguruskan tugas mereka dengan berkesan. Sebagai bahan rujukan ia juga diharapkan dapat meningkatkan imej dan kualiti pendidikan tingkatan enam seluruh negara. Ia juga diharapkan dapat mengembalikan kecemerlangan tingkatan enam.

Penjamaan semula ini lebih khusus untuk sekolah menengah kebangsaan sebagai usaha memperkasakan pendidikan tingkatan enam. Jika semasa penjajah dahulu, tingkatan enam hanya berada di sekolah 'premier', harapan yang sama ditujukan kepada sekolah menengah kebangsaan menjadi sekolah premier pasca kemerdekaan yang diberikan tugas melaksanakan pendidikan tingkatan enam sebagai satu usaha tambahan kepada aspirasi mendemokrasikan lagi pendidikan khusus pendidikan tinggi dan menjadikan pendidikan tingkatan bertaraf bestari dunia dan juga akhirat dengan acuan Malaysia sendiri. Kombinasi diantara warisan dengan wawasan memang tidak dapat dielakkan, bahkan sinergi diantara keduanya menjadikan pendidikan tingkatan enam lebih semasa (sekarang) dan berdaya maju pada masa akan datang. Wawasan hendak menjadikan pendidikan tingkatan sedemikian rupa selepas lebih 50 tahun sudah menjadi satu keperluan.



## BAB 1: SEJARAH

**S**EJARAHNYA telah bermula lebih daripada lima puluh tahun atau lima dekad yang lalu. Ia diperkenalkan oleh penjajahan Inggeris yang sudah pasti ia mengambil acuan pendidikan sekolah menengah tinggi di United Kingdom. Di United Kingdom peringkat ini dipanggil 'A' Level atau Advance Level iaitu selepas 'O Level' atau Ordinary Level.'A' Level setaraf dengan Higher School Certificate atau HSC atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau STPM. 'O' Level setara dengan Sijil Pelajaran Malaysia atau SPM atau sebelum itu dipanggil Federation of Malaya Certificate atau FMC.



**Sek. Penang Free: Tingkatan Enam Aliran Inggeris**

Tingkatan Enam atau Form Six ialah selepas Tingkatan Lima atau Form Five. Pelajar yang mendapat agreget kurang daripada 9 (sekurang-kurangnya lulus dengan kredit 3 setiap mata pelajaran peringkat School Certificate/SC atau Federation of Malaya Certificate/FMC) bagi aliran sastera untuk tiga daripada mata pelajaran aliran sastera iaitu geografi, sejarah, matematik, perdagangan, prinsip akaun, sastera Inggeris, Sastera Melayu dengan kepujian atau lulus dalam Bahasa Inggeris boleh memasuki tingkatan enam.

Bagi aliran sains pula, jumlah agregat tidak lebih daripada 15 bagi tiga mata pelajaran iaitu fizik, kimia, biologi, matematik, matematik tambahan dan sains tambahan. Lulus dengan kepujian atau lulus sahaja dalam Bahasa Inggeris adalah wajib.

Kelulusan diperingkat peperiksaan tersebut merupakan syarat mutlak memasuki tingkatan enam selepas keputusan peperiksaan SC atau FMC diketahui. Sebelum keputusan ini diketahui untuk sementara waktu, pelajar boleh memasuki tingkatan enam dengan menduduki peperiksaan kelayakan atau 'qualifying test' yang ditadbirkan untuk pelajar tingkatan lima yang berminat memasuki lebih awal secara bersyarat di tingkatan enam. Sekarang peperiksaan kelayakan itu tidak lagi diteruskan sejak peperiksaan HSC diganti dengan STPM.

Dari syarat kelulusan mata-mata pelajaran tertentu, terdapat ciri bersejarah yang kedua ialah bahasa pengantar ialah Bahasa Inggeris pada peringkat ia tingkatan enam bermula. Selepas tahun 1969 bahasa pengantar dalam Bahasa Melayu diperkenalkan dan Bahasa Inggeris berlangsung selari hingga semuanya dalam Bahasa Malaysia dalam tahun 1982.

Antara sekolah kebangsaan yang memulakan tingkatan enam aliran Melayu ialah Sek. Men. Tunku Durah Seremban, Sek. Munshi Abdullah Melaka, Sekolah Sultan Ismail Johor Bahru, Sekolah Abdul Rahman Talib Kuantan Pahang, Sekolah Menengah Aminuddin Baki Kuala Lumpur dan beberapa sekolah lain di Malaysia Barat ketika itu. Sekolah tingkatan enam aliran Melayu di Sabah dan Sarawak bermula beberapa tahun kemudian.



**Gambar Sekolah Tingkatan Enam Allran Melayu (1969):  
SM.Tunku Ampuan Durah Seremban, Negeri Sembilan**

Bahasa pengantar dalam Bahasa Malaysia bermula dengan aliran sastera, lebih kerana kekurangan guru yang mahir mengajar di dalam Bahasa Malaysia selain daripada kekurangan buku rujukan dan kemudahan pembelajaran terutama makmal sains. Guru-guru sains dan matematik dari Indonesia pernah diambil untuk mengajar sains dan matematik tingkatan lima dan juga enam dalam tahun 1965 hingga 1972.

Sekolah yang mempunyai tingkatan enam aliran sastera dan sains juga tidak banyak. Pada peringkat awal ia terletak di bandar-bandar besar seperti English College Johor Bahru, High School Melaka di Bandar Melaka, di King George V Seremban, Victoria Institution dan St. John di Kuala Lumpur, di Anderson School Ipoh, Perak, di Penang Free di Georgetown Pulau Pinang, di Kolej Sultan Abdul Hamid Kedah dan beberapa sekolah 'utama' atau primier atau high schools di Malaysia termasuk di Sabah, Sarawak, Pahang, Terengganu dan Kelantan (Lampiran 1). Bilangan sekolah tingkatan enam juga tidak banyak kerana ia tergolong dalam kategori elit atau khas.

Guru yang mengajar di tingkatan enam ini pada peringkat awal terdiri dari siswazah dari kelulusan universiti dari India, Pakistan, United Kingdom, Australia, Sri Lanka dan Singapura. Beberapa tahun selepas 1961 terdapat guru siswazah kelulusan dari Universiti Malaya Kuala Lumpur. Sebahagian besar daripada guru-guru siswazah yang mengajar di tingkatan enam ialah keturunan India, China dan Inggeris. Guru-guru keturunan Melayu boleh dibilang dengan jari itupun mengajar Bahasa Melayu dan Sastera Melayu.

Pola etnik guru sekarang sudah tidak serupa terutama selepas kemerdekaan. Bilangan guru Melayu dan guru perempuan (pelbagai kaum) sudah bertambah ramai. Perubahan ini adalah kerana guru-guru keturunan Melayu yang layak mengajar di tingkatan enam sudah ramai. Guru-guru perempuan sudah mengatasi bilangan guru tingkatan enam lelaki.

Dari segi kaedah mengajar untuk aliran sastera pada peringkat awal sebahagian besar ialah kuliah ditambah dengan tutorial, lawatan dan perbincangan. Bagi kaedah mengajar mata pelajaran sains mengajar di makmal merupakan kaedah utama dengan kuliah, penerangan dan demonstrasi.

Dari segi sistem pembelajaran, termasuk kemahiran belajar. Pelajar tingkatan enam secara formal dan profesional tidak dilatih atau dibimbing untuk menulis karangan akademik, membuat rujukan, membuat kertas projek, menyediakan pembentangan, menyediakan mini tesis, menyediakan diri untuk peperiksaan, membuat lawatan atau kajian lapangan dengan laporannya dan beberapa kemahiran belajar lain yang diperlukan oleh pelajar.

Suasana belajar ditingkatan enam yang menekankan membuat

rujukan, penelitian, mengambil nota, mendengar secara aktif, menganalisis, meng sintesis, menilai, berbincang kerana bahan rujukan banyak, sangat perlu dan bukan pilihan lagi. Mungkin pembelajaran di tingkatan lima atau empat keperluan kemahiran belajar ini merupakan satu pilihan sahaja.

Sejarah dari segi bilangan pelajar, pecahan kaum, pecahan jantina, pecahan aliran sains-sastera, mata pelajaran yang ditawarkan dan beberapa ciri dahulu menunjukkan ada perubahan. Bilangan pelajar pada masa dahulu lebih ramai bukan Bumiputera terutama keturunan Cina. Pelajar perempuan lebih ramai dalam aliran sastera dan pelajar lelaki lebih ramai di dalam aliran sains. Sebahagian besar pelajar datang dari kawasan Bandar. Mata pelajaran aliran sastera yang utama ketika itu ialah sejarah, geografi, ekonomi, sastera Inggeris dan Bahasa dan Sastera Melayu serta General Paper.

Mata pelajaran utama bagi aliran sains ialah fizik, kimia, biologi dan matematik serta General Paper. Semua mata pelajaran tersebut adalah dalam Bahasa Inggeris kecuali Bahasa dan Sastera Melayu Pada peringkat kedua selepas 1960 dua aliran bahasa pengantar iaitu Inggeris dan Bahasa Malaysia berlangsung dan sekarang semuanya di dalam Bahasa Malaysia. Waktu aliran Melayu diperkenalkan iaitu awal tahun 1970, kekurangan guru yang layak mengajar tingkatan enam memang wujud hingga guru siswazah sains dan matematik dari Indonesia diambil secara kontrak. Kekurangan itu tidak wujud lagi setelah ramai guru siswazah sains dan matematik tempatan dikeluarkan dari IPT negara.

Sekarang sudah ada mata pelajaran baru seperti Tamaddun Islam, Bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain dan juga pengurusan perniagaan untuk aliran sastera. Pengenal mata pelajaran baru memang dialu-alukan untuk disesuaikan dengan mata pelajaran sains dan teknologi di IPT.

Sejarah saluran tingkatan enam bermula secara tunggal untuk memasuki universiti telah bertukar sejak akhir 80an. Saluran alternatif seperti Program Asasi, Matrikulasi dan Diploma telah berkembang. Tambahan saluran ini memberi peluang yang lebih kepada pelajar untuk memasuki universiti, menjadikan pendidikan untuk memasuki universiti sudah lebih demokratik. Implikasi kepada perubahan ini kepada imej, nama atau jenama tingkatan enam sudah berubah. Adakah ini menjadi tidak 'glamor' lagi atau tidak, menjadi satu cabaran. Tingkatan enam model tradisi sudah ditandingi oleh saluran-saluran baru yang menawarkan pendidikan tingkatan enam alternatif. Persoalan ini akan kita bincang di bab yang berkaitan dengan Cabaran dan Prospek Pendidikan Tingkatan Enam di bahagian kemudian buku ini.

Sejarah kemudahan fizikal, bangunan dan asrama tingkatan enam juga telah berubah dari biasanya bangunan khas kepada bangunan yang serupa

dengan tingkatan-tingkatan lain. Kelas tingkatan enam tidak terasing iaitu dalam satu bangunan yang sama dengan tingkatan lain. Pemisahan ini tidak berlaku lagi termasuk perpustakaan dan juga makmal sains. Integrasi ini boleh dipandang sebagai mengurangkan sifat atau ciri elitis dan kesepaduan diutamakan. Adakah ini wajar? Beberapa aspek tentang kelainan perlu dijelaskan kerana umur, cara belajar, psikologi pelajar sudah berbeza.

Alat bantuan mengajar dan belajar juga telah berubah dari hanya mengharapkan satu atau dua buku rujukan kepada pelbagai bahan rujukan bercetak dan tidak bercetak. Bahan pengajaran dan pembelajaran yang terkini juga sudah menjadi bahan rujukan utama seperti tesis, abstrak dan laporan tahunan yang lebih kini daripada buku ilmiah. Maklumat dari laman web juga sudah berkembang penggunaannya dengan pesat. Akses secara on-line sudah menjadi kebiasaan. Terdapat perpustakaan khas untuk tingkatan enam hingga sekarang. Pusat sumber atau perpustakaan tingkatan enam akan dihuraikan dengan lebih mendalam di dalam Bab 8 kemudian.

Yuran pengajian dan bantuan pembelajaran juga telah berubah dari percuma, bayaran yuran pengajian dan biasiswa kecil tingkatan enam kepada percuma dan tajaan sekarang. Pelajar ada yang memilih untuk masuk ke tingkatan enam kerana ia percuma sementara di universiti mereka kena bayar untuk memasuki program asas. Di universiti program asas tidak mendapat tajaan seperti Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara atau PTPN.

Sistem peperiksaan juga telah banyak berubah dari dikendalikan oleh University of Cambridge kepada Majlis Peperiksaan Malaysia sejak 1982 seperti sekarang. Peralihan ini bermula dalam akhir tahun 60an. Semua mata pelajaran pada ketika awal dahulu dijawab dalam Bahasa Inggeris dan ia mula di dalam Bahasa Malaysia semuanya.

Pakaian pelajar tingkatan enam dari beberapa tahun dahulu ialah seluar panjang putih dan baju putih berlengan panjang. Kasut dan setokin kulit hitam dan memakai tali leher sekolah. Disiplin pelajar tidak merupakan perkara yang besar kerana bilangan pelajar tidak ramai dan mereka terdiri daripada pelajar pilihan yang bermotivasi penuh untuk belajar.

Dorongan untuk memasuki universiti dan mendapat kerja yang lebih baik dengan adanya sijil STPM memang kuat dan dorongan sendiri atau dalaman ini menjadikan mereka pelajar yang berdisiplin tinggi. Ini sepatutnya berlaku kerana mereka menjadi contoh kepada pelajar lain. Bilangan mereka yang tidak ramai juga dijangka tidak menimbulkan masalah besar dan sebahagian besar mereka menjadi pemimpin persatuan akademik, unit beruniform dan juga pengawas.

Sistem pengurusan institusi pada masa dahulu serupa dengan sistem integrasi sekarang. Tidak ada pemisahan daripada pengurusan kelas-kelas lain dan berada di bawah pengetua yang sama. Pada masa penjajahan sebelum tahun 1960 terdapat pengetua orang Inggeris dan sekarang terdapat lebih ramai pengetua rakyat Malaysia.

Penyeliaan pengajaran guru tidak begitu ditegaskan oleh pihak pengetua atau Jabatan Pelajaran Negeri. Tidak terdapat naziran yang menyelia atau membimbing pengajaran dan pembelajaran tingkatan enam. Dipercayai bahawa pengajaran dan pembelajaran tingkatan enam adalah lebih bebas. Otonomi atau kebebasan secara terhad seperti ini tidak serupa dengan otonomi profesional yang dinikmati oleh pensyarah di institut pendidikan tinggi seperti mereka membina silibus, mengajar, membuat soalan dan memeriksa skrip jawapan pelajar serta menentukan gred pencapaian pelajar. Aspek-aspek pengurusan dalaman merupakan satu kelebihan tenaga pengajar di universiti. Adakah otonomi seperti ini boleh dinikmati oleh guru tingkatan enam, sedangkan mereka masih dikawal terutama silibus dan peperiksaan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia?

Tempoh masa belajar masih tidak berubah iaitu dua tahun, satu tahun di tingkatan enam rendah dan satu tahun di tingkatan enam atas. Tempoh masa ini didapati mencukupi berbanding dengan silibus atau sukatan pelajaran yang hendak diajar oleh guru dan dipelajari oleh pelajar. Namun dari dahulu masa masuk ke tingkatan enam tidak dapat dibuat awal tahun kerana keputusan SPM hanya diketahui lewat Mac.

Bulan masuk ke tingkatan enam rendah masih tidak dapat dipercepatkan dan dengan itu rungutan guru kerana tidak cukup masa masih terus berlaku. Ini adalah satu fenomenon sejak dari dahulu lagi. Namun begitu sejak dahulu tidak ada kedengaran sekolah mengatitkan strategi untuk mengatasi cabaran ini.

Evolusi pendidikan tingkatan enam tidak begitu dinamik setakat perubahan bahasa pengantar, perubahan sukatan pelajaran, pengenalan beberapa mata pelajaran dan syarat persijilan sahaja. Walaupun ia tidak berubah dengan pesat dari sudut-sudut yang disenaraikan, ia masih boleh diperbaiki dalam beberapa aspek.

Cadangan perubahan ini berasaskan kepada konsep pendidikan bestari, pendidikan awal dewasa lewat remaja, pendidikan tinggi, otonomi profesionalisme keguruan dan pendidikan sendiri. Dengan adanya beberapa aspek baru ini, wajah, watak atau character sekolah bertingkatan enam diharapkan akan lebih baik. Warisan watak yang dibina semasa penjajahan berlangsung sudah jelas dan adakah kita hendak meneruskan watak ini atau

## Biodata Pengarang



**AB. RAHIM BIN SELAMAT** pernah menjadi seorang penuntut tingkatan enam di High School Melaka iaitu selepas lulus peperiksaan pemilihan memasuki tingkatan enam pada tahun 1963. Pada tahun 1964 iaitu setelah empat bulan berada di sekolah tersebut, beliau mengikuti kursus untuk menjadi guru pelatih di Pusat Latihan Daerah. Kaedah guru mengajar dan kaedah pelajar belajar serta pengalamannya yang singkat ketika berada di tingkatan enam sepenuh masa itu akan dikongsi bersama pembaca di dalam buku ini.

Semasa menjadi guru pelatih, beliau terus belajar di tingkatan enam di sekolah yang sama sebagai pelajar sambilan di Kelas Pelajaran Lanjutan atau Further Education Class (1965-1966). Beliau lulus dan berjaya memperoleh sijil Tinggi Pelajaran pada tahun 1967. Kemudian beliau meneruskan pengajiannya di universiti tempatan sehingga memperoleh Ijazah Bachelor dalam bidang Geografi. Beliau meneruskan khidmatnya sebagai guru Geografi tingkatan enam di Sekolah Menengah Tunku Durah, Seremban, Negeri Sembilan pada tahun 1971-1972. Kali pertama mengajar subjek Geografi di sekolah berkenaan, beliau telah berjaya meningkatkan peratus keputusan STP subjek tersebut dari 35% kepada 97%. Paling membanggakan beliau ialah empat orang pelajar aliran Melayu sekolah tersebut berjaya memperoleh prinsipal A, dan ini merupakan satu rekod yang belum pernah dicapai sebelum itu.

Awal tahun 1972 beliau dilantik menjadi Penolong Kanan di Sekolah Menengah Tunku Durah, Seremban iaitu sekolah yang pertama memulakan kelas tingkatan enam sastera aliran Melayu, di Negeri Sembilan. Disebabkan oleh ketiadaan buku teks Geografi dalam bahasa Melayu, maka beliau dan pelajarannya berusaha menterjemah buku teks Geografi bahasa Inggeris. Di samping menjadi penulis buku Geografi Kawasan Malaysia (1975), beliau juga berpengalaman menjadi pemeriksa dan ketua pemeriksa kertas Geografi STP (1971-1978).

Seterusnya ketika menjawat jawatan sebagai Ketua Penolong Pengarah Kurikulum, Jabatan Pelajaran Johor (1982-1985) beliau berjaya membantu menubuhkan kelas tingkatan enam di Sekolah Tun Mamat, Tangkak, Johor pada tahun 1983. Sejak tahun 1990 hingga 2009 beliau telah berjaya mengelolakan seminar tingkatan enam dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Latar belakang dan pengalaman beliau itu wajar dikongsi bersama dengan pembaca menerusi buku Pendidikan Tingkatan Enam: Warisan dan Wawasan.



**MOHD. SAA'RI BIN MOHD. SANUSI** merupakan salah seorang staf pengurusan di Sek. Men. Keb. Ungku Aziz, Sabak Bernam, Selangor. Sebelum menjawat jawatan Penolong kanan Tingkatan Enam, beliau pernah menjadi guru penyelarasan tingkatan enam, di samping mengajar subjek Bahasa Melayu dan Keusasteraan Melayu tingkatan enam (1998-2010), di sekolah berkenaan. Beliau pernah menjadi Jurulatih Utama Negeri bagi subjek Kesusasteraan Melayu STPM (2005-2007), Pengerusi Panitia Kesusasteraan Melayu STPM, Daerah Sabak Bernam (2008-2010).

Beliau mendapat pendidikan asas dan menengah di daerah Sabak Bernam. Seterusnya mengikuti latihan perguruan di MPSI, Tanjong Malim, Perak (1982-1984). Kemudian melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah dan Sarjana di UPM, Serdang, Selangor. Kini sedang mengikuti kursus Doktor Pendidikan di Universiti Industri Selangor (Unisel).